

10/06/2003

Ganti pegawai PBT gagal laksanakan tugas: PM (HL)

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang amat kesal dengan pelbagai

aduan mengenai kelemahan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan majlis perbandaran, berkata pegawai terbabit perlu diganti.

Perdana Menteri berkata, walaupun pelbagai arahan dan usaha dilakukan, kerajaan masih menerima banyak aduan mengenai kelemahan dalam PBT dan majlis perbandaran.

Sehubungan itu, beliau menegaskan pegawai PBT dan majlis perbandaran yang gagal melaksanakan tanggungjawab terhadap masyarakat serta menyalahgunakan kuasa, akan diganti.

"Kita harus melihat perkara ini. Jika mereka gagal menjalankan tugas, kita mungkin terpaksa menukar pegawai terbabit," katanya selepas mempengerusikan sesi ketiga Dialog Bajet 2004 di Perbendaharaan, di sini semalam.

Beliau ditanya mengenai pelbagai kelemahan pentadbiran PBT dan majlis perbandaran serta aduan berterusan orang ramai mengenai perkhidmatan yang diberikan agensi terbabit.

Rabu lalu, Kabinet yang memandang serius masalah kecekapan dan penguatkuasaan PBT, mahu semua tuntutan undang-undang berkaitan pentadbiran dan penguatkuasaan dilaksanakan tanpa sebarang alasan.

Kabinet membuat keputusan itu selepas dimaklumkan mengenai dakwaan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas mengenai

amalan rasuah membabitkan Pengarah Penguatkuasa Majlis Perbandaran Ampang

Jaya (MPAJ), Abdul Kudus Ahmad.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim dilaporkan berkata, penduduk berhak menuntut perkhidmatan terbaik daripada

PBT mereka, manakala kerajaan negeri tidak harus teragak-agak bertindak ke

atas pegawai PBT yang disyaki menyalahgunakan kuasa.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri percaya salah satu sebab masalah itu ialah ada wakil PBT yang dilantik lebih mementingkan populariti daripada melaksanakan tugas yang diamanahkan.

"Sesetengah wakil, kerana mahu popular tidak mahu mengutip cukai atau menyediakan perkhidmatan yang diperlukan rakyat," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya, Dr Mahathir mahu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertindak positif serta tidak menyimpang daripada tujuan asal penubuhannya, selain menggunakan bantuan dengan cekap dan mengikut peraturan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, NGO perlu terus membantu dan

menjadi pelengkap kepada program kerajaan dalam membantu golongan memerlukan serta berganding bahu dengan kerajaan dalam membanteras

gejala sosial.

"Walaupun kerajaan melaksanakan pelbagai program serta kemudahan sosial dan kemasyarakatan, berita mengenai kes sumbang mahram, rogol, rompak, pengedaran VCD lucah dan cetak rompak, vandalisme, keganasan rumah tangga dan pelbagai lagi masih belum reda.

"Di sinilah saya dapati peranan dan sumbangan badan-badan NGO begitu penting," katanya. Sesi ketiga Dialog Bajet 2004 semalam membabitkan pemimpin NGO dan agensi kerajaan.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha memerangi gejala sosial, kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar untuk memulihkan penagih dadah dan menyara banduan.

Beliau juga menyanjung tinggi peranan NGO yang sanggup berkhidmat untuk masyarakat secara sukarela. Semangat begitu, katanya, perlu dipupuk di kalangan masyarakat.